



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



**PENGUASAAN BAHASA IBUNDA SEBAGAI MEDIUM  
KOMUNIKASI MAHASISWA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI  
MALAYSIA: SUATU PENELITIAN CAKNA BAHASA NEGARA  
BERBILANG KAUM**

*MASTERING THE MOTHER TONGUE AS A MEDIUM OF COMMUNICATION  
FOR STUDENTS IN MALAYSIAN INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING: A  
DETAILED STUDY ON THE CONCERN OF MULTIRACIAL LANGUAGE  
COUNTRIES*

Muhammad Safuan Yusoff<sup>1\*</sup>, Irma Wani Othman<sup>2\*</sup>, Herlina Jupiter<sup>3</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: safuan\_y@yahoo.com

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: irma@ums.edu.my

<sup>3</sup> Penerbit UMS, Universiti Malaysia Sabah

Email: herina@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.05.2021

Revised date: 24.06.2021

Accepted date: 20.07.2021

Published date: 31.07.2021

**To cite this document:**

Yusoff, M. S., Othman, I. W., Jupiter, H., & Mokhtar, S. (2021). Penguasaan Bahasa Ibunda Sebagai Medium Komunikasi Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Suatu Penelitian Cakna Bahasa

**Abstrak:**

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk dengan komposisi berbilang bangsa, justeru melahirkan kepelbagaian bahasa komunikasi yang dituturkan hasil asimilasi etnik dari pelbagai bangsa. Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda yang dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan, lantas menjadi elemen jati diri rakyat Malaysia serta dianggap satu titik penyatuan seluruh masyarakat yang membawa kepada kesepaduan nasional. Peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa saban tahun membuktikan keberhasilan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memenuhi visi dan misi Dasar Pengantarabangsaan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Namun dalam keterujaan meniti arus pemodenan pendidikan hari ini, pihak universiti menggalas tanggungjawab berat dalam mengangkat kedudukan Bahasa Melayu sebagai wadah rasmi pembelajaran dan pengajaran serta menjadi pilihan medium utama komunikasi dalam kalangan mahasiswa khususnya

Negara Berbilang Kaum.  
*International Journal of Education,  
Psychology and Counseling*, 6 (41),  
38-54.

DOI: 10.35631/IJEPC.641004

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



pelajar antarabangsa. Perbincangan kertas kerja ini terarah untuk merungkai usaha pemerkasaan bahasa Melayu dalam konteks kemahiran penguasaan bahasa yang berupaya membantu asimilasi dan akomodasi pelajar antarabangsa. Penyelidikan ini memilih pendekatan kualitatif dengan mengutilasikan kaedah temu bual separa berstruktur bagi menjana perolehan data empirikal dari kumpulan sasaran 30 pelajar antarabangsa di universiti awam Malaysia terpilih. Hasil dapatan memperlihatkan pelajar antarabangsa mengutilasikan penguasaan bahasa ibunda bagi mengiktirafkan keupayaan diri dan akur bahawa kepentingan kefahaman dan kemahiran bahasa tempatan mampu menyumbang kepada transformasi asimilasi dalam pembudayaan masyarakat multi-etnik Malaysia. Tuntasnya, penguasaan bahasa ibunda sebagai medium komunikasi mahasiswa IPT merupakan keperluan skil universal pelajar antarabangsa bagi improvisasi keyakinan dan keterampilan diri dalam mendepani cabaran cakna bahasa di negara berbilang kaum.

#### **Kata Kunci:**

Penguasaan Bahasa Ibunda, Medium Komunikasi, Pelajar Antarabangsa, IPT

#### **Abstract:**

Malaysia is a multi-racial country with a multi-racial composition, thus producing a variety of communication languages spoken as a result of ethnic assimilation from various races. Malay language is the mother tongue and is upheld as the national language, and thus becomes an element of the identity of Malaysians. It is also considered a point of unity of all the people that lead to national cohesion. The increase in the enrolment of international students every year proves the success of the Ministry of Education Malaysia in fulfilling the vision and mission of the Internationalisation Policy of Malaysian Institutions of Higher Learning. However, in the excitement of pursuing modernisation of education today, the university is bearing heavy responsibility in lifting the position of the Malay language as the official forum for learning and teaching as well as a selection of the main medium of communication among students, especially international students. Discussion of this paper focused on dismantling trade empowerment in the context of the Malay language proficiency in the language that seeks to help assimilation and accommodating international students. This research chooses a qualitative approach by utilising the semi-structured interview method to generate empirical data from a target group of 30 international students in selected Malaysian Public Universities. The findings show that international students utilise their mother tongue to recognise their abilities and agree that the importance of understanding and having the skills of the local language can contribute to the transformation of assimilation in the culture of Malaysia's multi-ethnic society. Ultimately, mastering the mother tongue as a medium of communication for HLI students is a universal skill requirement of international students for the improvisation of self-confidence in facing the challenges of language learning in a multi-racial country.

#### **Keywords:**

Mastering of Mother Tongue, Medium of Communication, International Students, HLI

## Pendahuluan

Penguasaan ke atas sesuatu jenis bahasa merupakan instrumen penting sebagai alat untuk berkomunikasi di antara individu dengan individu lain bagi menyampaikan idea pemikiran atau sesuatu maksud yang boleh fahami. Namun begitu setiap individu pastinya mempunyai limitasi dengan hanya memahami beberapa jenis bahasa sahaja disebabkan perbezaan dari segi budaya dan asal usul mereka dibesarkan (Pawar, Dasgupta & Vispute, 2019). Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama, dan adat resam di mana ianya dikenali sebagai masyarakat majmuk (Alim, 2015). Berdasarkan susur galur sejarah di Tanah Melayu sejak dahulu lagi Bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa Ibunda yang diperakui sebagai bahasa kebangsaan. Disebabkan kepentingan ini Bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa Rasmi kebangsaan Malaysia dalam struktur Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 152 iaitu bahasa perhubungan antara etnik berbilang bangsa di Malaysia (Awang, 2014). Usaha tersebut telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi membentuk perpaduan antara kaum dengan mewujudkan satu bahasa yang boleh difahami oleh semua lapisan masyarakat dalam negara ini (Othman, Yusoff, Mohd Shah, Esa, Ationg, Ibrahim & Raymond Majumah, 2021a).

Berdasarkan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia 2020 enrolmen pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi perlu disasarkan sebanyak 15 peratus daripada jumlah keseluruhan purata enrolmen pelajar bagi setiap Institusi Pengajian Tinggi di negara ini (MOHE, 2021). Dari tahun ke tahun merujuk kepada Jadual 1 di bawah memperlihatkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi berhubung kehadiran pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi awam di Malaysia dari tahun 2011 sehingga 2020 secara umumnya telah mencatatkan peningkatan sejak 10 tahun kebelakangan. Pada tahun 2011 kehadiran pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Awam telah mencatatkan seramai 25,855 orang, yang seterusnya meningkat kepada 26,405 orang pada tahun 2015 dan terus memperlihatkan peningkatan dari tahun ke tahun kepada 33,705 orang pada tahun 2020 (MOHE, 2021). Peningkatan tersebut telah membuktikan bahawa pelajar antarabangsa yang berasal dari seluruh dunia masih mempercayai bahawa sistem pendidikan tinggi yang ditawarkan di Malaysia sememangnya mempunyai kualiti dan standard tertinggi yang setara dengan negara-negara maju di peringkat antarabangsa.

**Jadual 1: Jumlah Kemasukan Pelajar Antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia dari Tahun 2011 Sehingga 2020**

Tahun	Jumlah Kemasukan Pelajar Antarabangsa di IPTA
2011	25,855
2012	26,232
2013	28,830
2014	27,042
2015	26,405
2016	25,824
2017	27,766
2018	30,341
2019	32,404
2020	33,705

Sumber: <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/awam/statistik> (Dari Tahun 2011-2020)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Pelbagai inisiatif telah dilakukan bagi mempromosikan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia di peringkat antarabangsa dengan melakukan proses pengantarabangsaan sistem pengajian tinggi dengan kerjasama pelbagai pihak di peringkat antarabangsa (Othman, Mohd Shah, Yusoff, Esa, Ationg, Ramlie, & Abdul Rahman, 2021b). Perkara ini dilakukan dengan mengukuhkan jaringan pengantarabangsaan dengan pelbagai pihak luar yang dapat mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan sistem pengajian tinggi Malaysia agar setanding dengan sistem pengajian tinggi terbaik di dunia (Yusoff, Othman, Mohd Shah, Esa, Abang Muis, Marinsah & Ramlie, 2021a). Penguatan jaringan dan pengantarabangsaan tersebut dapat dicapai melalui kolaborasi penyelidikan, penawaran pengajian yang relevan dan penubuhan pelbagai kursi pengajian di institusi pengajian tinggi luar negara dalam usaha membina reputasi antarabangsa yang cemerlang (Yusoff *et al.*, 2021a). Jaringan antarabangsa tersebut telah berjaya dilakukan di luar negara dengan penubuhan empat (4) kursi Pengajian Melayu di universiti luar negara, iaitu *Ohio University* (Amerika Syarikat), *Leiden University* (Belanda), *Victoria University* (New Zealand) dan *Beijing Foreign Studies University* (China) bagi memperkukuhkan dan memperkenalkan lagi Bahasa Melayu di mata dunia (MOHE, 2007). Tidak ketinggalan sejak dahulu lagi di semua Institusi Pengajian Tinggi Malaysia turut menawarkan kursus Bahasa Melayu yang diberi penekanan di setiap universiti sebagai subjek bahasa yang ditawarkan untuk pelajar antarabangsa bagi mempelajarinya (Khuzaiton & Thana, 2014). Oleh yang demikian penyelidikan ini ingin melihat bagaimana pengaruh penguasaan dan kemahiran menggunakan bahasa ibunda sebagai medium komunikasi dalam kalangan mahasiswa khususnya pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi Malaysia.

### Sorotan Literatur

Kemahiran berkomunikasi dengan menggunakan bahasa negara tuan rumah merupakan salah satu elemen yang seringkali dikaitkan dengan cabaran bagi menentukan kejayaan pelajar antarabangsa dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baru di negara tuan rumah (Othman, Esa, Ationg, Ibrahim, Lukin & Abdul Hamid, 2021c). Budaya asing sememangnya menjadi cabaran hebat bagi keseluruhan pelajar antarabangsa terutamanya kepada golongan baru yang pertama kali datang ke negara luar (Othman, Yusoff, Mohd Shah, Mokhtar, Abang Muis, Marinsah & Marzuki, 2021d). Namun halangan tersebut pastinya dapat diatasi dengan baik sekiranya pelajar antarabangsa mempunyai kemahiran untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa ibunda negara tersebut. Penguasaan dan penggunaan bahasa ibunda negara tuan rumah sememangnya berkemampuan untuk mengeliminasi pelbagai masalah kekangan komunikasi terutamanya apabila berhadapan dengan situasi perbezaan budaya dengan rakan seuniversiti dan masyarakat tempatan (Philipp & Katrin, 2017). Dalam proses untuk beradaptasi di negara tuan rumah pastinya akan menimbulkan kejutan budaya yang sukar untuk ditangani dalam diri pelajar antarabangsa disebabkan mereka menghadapi kesukaran dalam mencapai akses maklumat yang tepat mengenai negara yang ditujui (Lee, 2017). Proses menyesuaikan diri akan menjadi lebih mudah jika pelajar antarabangsa tersebut mendapat maklumat yang tepat dari saluran yang betul berhubung perbezaan budaya yang ada di negara tersebut serta mempelajari bahasa ibunda negara tersebut sebelum tiba di negara tuan rumah (Siti Saniah, 2013).

Tahap penyesuaian diri bagi setiap individu di dalam sesebuah persekitaran baru adalah berbeza-beza. Menurut Forbes-Mewett & Sawyer, (2019) tahap penyesuaian diri pelajar antarabangsa di tempat baru adalah berbeza mengikut dari mana negara asal mereka. Menurut

Peng & Wu (2019), penyesuaian diri adalah satu proses yang melibatkan interaksi di antara ciri-ciri yang ada dalam diri pelajar antarabangsa dengan ciri-ciri yang ada dalam struktur masyarakat di negara tuan rumah. Ini membawa maksud bahawa jika wujud persamaan yang besar diantara ciri-ciri pelajar antarabangsa dan ciri-ciri masyarakat tuan rumah, maka lebih mudah proses penyesuaian dapat lakukan iiatu dari konteks pematuhan peraturan dan literasi perundangan (Othman *et al.*, 2021c). Bagi pelajar antarabangsa yang memiliki kelebihan dalam menguasai bahasa ibunda negara tuan rumah pastinya mendatangkan kelebihan kepada diri mereka dalam membiasakan diri sepanjang proses penyesuaian di negara tuan rumah (Mazlina, 2014). Menerusi kajian yang dijalankan oleh Selmer dan Lauring, (2015), menyatakan pelajar antarabangsa yang membuat persediaan awal dari segi mempelajari bahasa ibunda negara tuan rumah telah meningkatkan pemahaman mereka berhubung latar belakang budaya dan adat resam masyarakat setempat yang menjadi asas kepada cara kehidupan yang berbeza di negara tersebut (Othman, Ationg, Esa, Hajimin & Abang Muis, 2021e).

Kehadiran pelajar antarabangsa di kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia telah menyebabkan berlakunya pertembungan antara budaya yang menyebabkan adakalanya mendatangkan impak negatif terhadap kehidupan pelajar tersebut sepanjang tempoh pengajian mereka oleh kerana pelajar tersebut tidak membuat persediaan awal sebelum membuat keputusan (Punitha, Abd. Jalil & Shahrir, 2017). Diantara kesukaran nyata yang dihadapi adalah dari aspek komunikasi bahasa yang digunakan untuk bertutur dengan pelajar tempatan serta masyarakat sekeliling yang ada di kawasan kampus terutamanya pelajar yang datang dari negara China (Othman, Yusoff, Lokin, Ationg, Muis & Mohd Shah, 2020a). Melalui hasil kajian yang dilakukan oleh Aurel, (2013), tidak dapat dinafikan bahawa wujud keadaan di mana pelajar antarabangsa akan berhadapan dengan pelbagai situasi yang mendatangkan masalah kepada diri mereka disebabkan perbezaan bahasa yang wujud dan tidak difahami apabila pertama kali tiba di negara tuan rumah. Perkara tersebut pastinya telah dijangkakan oleh pelajar antarabangsa bahawa halangan bahasa merupakan faktor utama yang perlu ditempuhi dalam menyesuaikan diri di tempat yang baru. Kesan negatif lain yang dapat dilihat adalah wujud jurang besar kurangnya nilai kemesraan antara pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa dalam penglibatan yang melibatkan kerjasama diantara mereka seperti melaksanakan tugas secara berkumpulan (Othman, Yusoff, Abdul Hamid, Awang & Jupiter, 2018). Menurut Othman, (2019a) diantara sebab berlakunya kesukaran untuk berkomunikasi dalam menggunakan satu bahasa yang difahami kedua belah pihak adalah disebabkan kurang keyakinan diri dan kurang sifat keterbukaan di dalam diri sama ada bagi pelajar antarabangsa mahupun pelajar tempatan. Pemahaman berhubung pemilihan bahasa yang digunakan untuk komunikasi diantara pelajar antarabangsa dan pelajar tempatan merupakan asas penting yang perlu difahami bagi kedua-dua belah pihak (Othman *et al.*, 2021e). Ini kerana kehidupan di universiti pastinya akan melibatkan mereka untuk berkomunikasi sewaktu menuntut ilmu. Justeru itu adalah sangat penting bagi pelajar antarabangsa mempunyai kemahiran penguasaan bahasa untuk berkomunikasi dalam menjalani aktiviti seharian.

Tidak dapat disangkal bahawa setiap pelajar antarabangsa yang melalui proses ekspatriasi disebabkan keputusan mereka untuk melanjutkan pengajian ke luar negara telah membawa mereka merasai pengalaman baru dalam mengasimilasi diri mereka di tempat baru. Setiap dari mereka pastinya tidak dapat lari dari menjalani dan menempuhi pengalaman baru yang

adakalanya mendatangkan kesukaran bagi mereka yang baru pertama kali menetap di negara asing. Namun kesukaran proses asimilasi tersebut pastinya dapat dikurangkan melalui bantuan dari masyarakat tempatan yang merasa teruja untuk membantu dengan rela hati apabila bertemu dengan pelajar antarabangsa yang mengambil inisiatif awal menguasai bahasa tempatan mereka (Othman, 2019b). Kesungguhan seseorang pelajar antarabangsa dalam menggunakan bahasa tempatan pada kebiasaannya akan berjaya menambat hati masyarakat sekeliling. Bagi memastikan kelancaran proses asimilasi tersebut, pihak signifikan perlulah memainkan peranan dalam kehidupan pelajar antarabangsa dengan menjadi pemudah cara kepada golongan tersebut untuk mempelajari bahasa baru dalam waktu yang singkat (Ahmad Fuad, Khairul Faiz, Hishamudin & Mashetoh, 2020). Perkara tersebut merujuk kepada pelajar tempatan yang menjadikan rakan sekelas dan rakan serumah kepada pelajar antarabangsa yang ingin mendapatkan bantuan untuk memahami dan mempelajari bahasa tempatan supaya memudahkan mereka untuk menjalani urusan seharian.

Selain itu bagi menyesuaikan diri dalam satu persekitaran yang baru iannya bergantung kepada faktor psikososial dan budaya yang merupakan dua faktor penting menjadi asas kepada keberhasilan dalam melalui proses penyesuaian diri di negara tuan rumah. Menurut Abdul Latiff, Salma, Ali & Sabariah, (2016) menyatakan bahawa kehadiran pelajar antarabangsa di Malaysia sememangnya terdiri daripada mereka yang mempunyai pelbagai latar belakang budaya yang berbeza. Kebiasaannya pelajar antarabangsa lebih cenderung untuk datang ke negara yang mempunyai latar budaya yang hampir sama dengan negara asalnya (Othman, Jupiter & Mohd Suki, 2019). Secara umumnya apabila seseorang pelajar mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara perkara pertama yang harus ditempuhi adalah perbezaan dari segi budaya di negara tuan rumah dengan negara asalnya. Menurut Othman, Yusoff, Ationg, Esa & Mohd Shah, (2020b) budaya merujuk kepada satu set nilai, kepercayaan, bahasa dan tingkah laku amalan yang diamalkan oleh individu mahupun satu kelompok manusia dalam sesebuah masyarakat. Nilai budaya inilah yang akan membentuk bagaimana struktur sesebuah masyarakat tersebut berfikir, membuat tafsiran, mempercayai sesuatu kepercayaan yang akan menzahirkan satu tingkah laku yang akan diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya (Othman, Yusoff, Marinsah, Mokhtar, Ramlie & Mohd Shah, 2020c).

Di samping itu, persamaan budaya turut menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi keputusan pelajar dalam memilih lokasi bagi melanjutkan pelajaran ke universiti luar negara. ini kerana faktor keselesaan bagi diri mereka amat dititikberatkan. Pelajar antarabangsa akan mudah menyesuaikan diri dengan kehidupan baru di negara destinasi disebabkan mereka telah memahami budaya yang diamalkan oleh negara tersebut (Lin, Chen & Song, 2012). Pemahaman ke atas budaya baru sangat membantu pelajar antarabangsa mempelajari sesuatu perkara yang boleh dijangkakan bagi mentafsir perkara yang akan dilalui pada setiap hari dan tingkah laku yang sesuai ditunjukkan dalam pelbagai situasi (Bhatti, Battour, Ismail & Sundram, 2014). Dalam kajian yang dilakukan (Trujillo, Mohammed & Saleh, (2020) menyatakan bahawa terdapat segelintir pelajar antarabangsa lain yang membuat keputusan melanjutkan pelajaran ke luar negara disebabkan faktor keunikan budaya yang terdapat di negara tersebut. Tujuan melanjutkan pelajaran ke luar negara merupakan serampang dua mata kepada diri mereka untuk melihat dan mendalami budaya baru di negara tersebut. Perkara ini bersamaan dengan hasil dapatan kajian Judith, Wayne & Robert, (2010) mendapati dalam kajian mereka bahawa pelajar antarabangsa memilih negara India sebagai negara destinasi

pengajian mereka disebabkan oleh budaya yang menarik. Terdapat juga perkara lain yang dilihat oleh pelajar antarabangsa sebagai pendorong kepada keputusan mereka yang dilihat dari sudut pandangan lain seperti yang dinyatakan oleh Falcone, (2017) iaitu mengatakan pelajar dari negara China lebih cenderung untuk memilih negara New Zealand sebagai destinasi pengajiannya disebabkan kes rasuah yang rendah dan penduduknya mempunyai tahap nilai kejujuran dan keadilan yang tinggi dalam masyarakat. Ini kerana nilai tersebut kurang diamalkan di negara asal mereka ditambah lagi dengan kes rasuah yang banyak.

Isu yang melibatkan keluarga juga merupakan alasan lain yang mendorong pelajar antarabangsa mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke negara luar. Perkara tersebut dilihat dari desakan daripada pihak keluarga yang beranggapan bahawa sistem pendidikan tinggi di luar negara adalah jauh lebih baik jika dibandingkan dengan sistem pendidikan di negara asal. Perkara ini dapat dibuktikan dari Counsell, (2011) dalam hasil kajiannya yang mana pelajar dari China lebih memilih United Kingdom sebagai destinasi pengajian disebabkan sistem pendidikan di negara tersebut dianggap terbaik dan tidak setanding dengan negara asalnya. Tambahan lagi menurut Sinanan & Gomes, (2020) terdapat juga ada diantara keluarga yang menyuruh anak mereka meneruskan pengajian di sesebuah negara destinasi disebabkan saudara mara atau rakan kenalan mereka telah terlebih dahulu melanjutkan pengajian di negara tersebut. Ini menunjukkan pihak keluarga lebih mempercayai bahawa sudah terdapat jaringan sosial yang akan membantu anak-anak mereka sewaktu keberadaan mereka di negara destinasi. Menurut Othman *et al.*, (2020b) jaringan sosial yang telah terjalin terlebih dahulu sama ada dalam kalangan saudara mara dan rakan kenalan yang berada di negara destinasi telah dijadikan sebagai rujukan awal daripada pihak keluarga di negara asal. Bukan itu sahaja malahan justifikasi penghantaran pelajar antarabangsa ke luar negara juga melibatkan elemen pengurusan kewangan dalam norma baharu tatkala dunia berdepan dengan pandemik Covid-19 turut dikatakan berupaya mempengaruhi keputusan ibu bapa sebelum menghantar anak-anak mereka melanjutkan pengajian di sesebuah negara (Yusoff, Othman, Mohd Shah, Esa, Zulhazmi, Ibrahim & Ationg, 2021b).

## Metodologi

Penyelidikan yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mendapatkan maklum balas yang dipercayai kebolehpercayaannya. Pemilihan ke atas tiga buah lokasi Universiti awam yang melibatkan seramai 30 orang responden yang dijadikan sebagai subjek kajian telah ditemu bual berdasarkan satu set protokol temu bual yang telah dibangunkan sewaktu kajian rintis dijalankan (Creswell, 2014). Kesemua responden yang ditemu bual telah ditentukan dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan yang mana hanya responden yang mempunyai ciri tertentu dipilih untuk dijadikan responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan ini (Othman, 2014). Jenis temu bual yang digunakan adalah temu bual semi struktur. Kemudian data yang diperolehi akan diproses melalui analisis induktif dengan mengtranskrip rakaman audio temu bual yang diperolehi dari bentuk rakaman suara ke dalam bentuk teks (Eriksson & Kovalainen, 2016) dan seterusnya dianalisis melalui pengkategorian tema secara terperinci melalui proses pengkodan yang mana merupakan langkah yang terpenting dalam proses menganalisis data dalam penyelidikan jenis kualitatif (Silverman, 2013).

Jadual 2 di bawah menyenaraikan profil demografi informan kajian yang mengandungi empat variabel utama iaitu jantina, umur, tahap pendidikan dan status perkahwinan bagi setiap responden yang terlibat. Penyelidikan ini melibatkan seramai 30 orang informan kajian yang mana 12 orang bersamaan 40.0 peratus merupakan informan kajian lelaki dan bakinya seramai 18 orang adalah informan kajian perempuan bersamaan 60.0 peratus. Majoriti daripada informan kajian tergolong dalam lingkungan umur 21 sehingga 22 tahun, iaitu seramai 10 orang bersamaan 33.0 peratus. Informan kajian yang berumur 19 sehingga 20 tahun mencatatkan seramai 8 orang bersamaan 27.0 peratus. Bagi informan kajian yang berumur 23 sehingga 24 dan melebihi 25 tahun ke atas pula masing-masing mencatatkan persamaan iaitu seramai 6 orang informan kajian yang membawa peratusan sebanyak 20.0 peratus. Penglibatan Informan kajian yang terlibat adalah terdiri daripada dua kumpulan pelajar iaitu dari Ijazah Sarjana Muda seramai 18 orang bersamaan 60 peratus dan bakinya seramai 12 orang lagi bersamaan 40 peratus adalah sedang melanjutkan pelajaran di tahap Ijazah Sarjana (Master). Kesemua mereka yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada yang berstatus bujang.

**Jadual 2: Profil Demografi Informan Kajian**

Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	12	40.0
Perempuan	18	60.0
<i>Umur (Tahun)</i>		
19-20	8	27.0
21-22	10	33.0
23-24	6	20.0
>25	6	20.0
<i>Tahap Pendidikan</i>		
Ijazah Sarjana Muda	18	60.0
Ijazah Sarjana (Master)	12	40.0
<i>Status</i>		
Bujang	30	100.0

### Hasil Penyelidikan

Hasil daripada temu bual yang dijalankan bersama tiga puluh responden yang dipilih dari tiga buah universiti awam di Malaysia berhubung pengaruh penguasaan dan kemahiran menggunakan bahasa ibunda sebagai medium komunikasi dalam kalangan mahasiswa khususnya pelajar antarabangsa memperlihatkan maklum balas positif yang diterima berhubung perkara tersebut. Secara keseluruhan majoriti pelajar antarabangsa yang ditemu bual menyatakan banyak kelebihan yang diperoleh apabila mereka berkomunikasi menggunakan bahasa tempatan yang sekaligus dapat meningkatkan keyakinan diri mereka dengan lebih berani untuk ke hadapan menonjolkan diri dalam menjalani kehidupan di universiti. Walaupun kebanyakan daripada responden yang terlibat tidak membuat persediaan awal terutamanya mengambil kelas bahasa terlebih dahulu sebelum tiba di negara tuan rumah, mereka berjaya mengambil peluang mempelajari bahasa tempatan bersama rakan dan mempraktikkan dalam kehidupan seharian bagi meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berbahasa dalam tempoh masa yang singkat.



Dapatan penyelidikan yang diperoleh menunjukkan daripada 30 orang responden yang ditemu bual, seramai 21 orang responden seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1 di bawah telah bersetuju menyatakan bahawa penguasaan dan kemahiran menggunakan bahasa kebangsaan telah memberi manfaat dan memudahkan urusan mereka sepanjang berada di negara tuan rumah. Ini dapat dilihat seperti di bawah:-

**Jadual 1: Pengaruh Penguasaan dan Kemahiran Bahasa Ibunda dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa**

Universiti 1	Universiti 2	Universiti 3
Pelajar Antarabangsa 2	Pelajar Antarabangsa 11	Pelajar Antarabangsa 21
Pelajar Antarabangsa 4	Pelajar Antarabangsa 13	Pelajar Antarabangsa 22
Pelajar Antarabangsa 5	Pelajar Antarabangsa 15	Pelajar Antarabangsa 23
Pelajar Antarabangsa 6	Pelajar Antarabangsa 17	Pelajar Antarabangsa 25
Pelajar Antarabangsa 8	Pelajar Antarabangsa 18	Pelajar Antarabangsa 26
Pelajar Antarabangsa 9	Pelajar Antarabangsa 20	Pelajar Antarabangsa 27
Pelajar Antarabangsa 10		Pelajar Antarabangsa 28
		Pelajar Antarabangsa 30

Berikut merupakan dialog asal dari temu bual yang dijalankan bersama 30 responden berhubung kemahiran penguasaan bahasa ibunda sebagai medium komunikasi dalam kalangan pelajar antarabangsa di universiti awam Malaysia. Menurut Pelajar Antarabangsa 10 yang berasal dari China menyatakan sememangnya terdapat keperluan dalam mempelajari dan memahami bahasa negara tuan rumah bagi dirinya, kerana perkara tersebut merupakan faktor utama bagi memudahkan dirinya untuk menyesuaikan diri beradaptasi dengan persekitaran baru di negara tuan rumah dan ianya adalah salah satu faktor yang amat penting untuk dikuasai. Menurut Van Mol, (2019) penggunaan bahasa yang difahami oleh masyarakat sekeliling merupakan cara paling mudah untuk mendekati masyarakat setempat.

*“Saya tidak menafikan jika anda datang ke satu tempat yang baru, pastinya anda berhadapan dengan tekanan disebabkan perbezaan bahasa yang difahami, kesukaran itu akan menyukarkan segala urusan anda. Bagi saya penting untuk cuba belajar dan faham bahasa orang lain, walaupun sukar tetapi ianya berbaloi jika anda Berjaya. Belajar sesuatu yang baru pastinya mempunyai proses yang perlu dilalui, jangan putus asa. Dengan mempunyai kelebihan berbahasa tempatan kita bukan saja memudahkan urusan kita tetapi juga yang paling penting adalah kita akan lebih mudah diterima masuk bergaul dengan masyarakat tempatan.”* (Pelajar Antarabangsa 10)

Pandangan yang sama turut diberikan oleh Pelajar Antarabangsa 23 yang berasal dari Cambodia yang mana mengatakan untuk memudahkan proses asimilasi diri di tempat yang baru individu tersebut perlulah sekurang-kurangnya mengetahui asas bahasa negara tuan rumah, supaya tidak berlaku sebarang kesulitan yang mendatangkan masalah kepada diri mereka. Melalui penguasaan bahasa yang betul maka pemikiran dan tindakan untuk menyampaikan idea atau sesuatu maksud dapat di fahami dengan mudah melalui komunikasi dan interaksi bersama masyarakat sekeliling yang mampu mengeratkan hubungan antara satu sama lain (Krishna, 2016).

*“Kamu perlu tahu sekurang-kurangnya memahami asas bahasa orang tempatan. Pada mula-mula saya sampai di sini, saya menghadapi sedikit masalah apabila hendak membeli makanan. Saya tidak boleh berharap yang penjual makanan itu tahu berbahasa Inggeris kerana mereka adalah orang tempatan. Timbul rasa kecewa apabila kamu terpaksa mencari orang yang faham apa yang kamu katakan. Dan agak melucukan kerana kadang-kadang kamu terpaksa menunggu mana-mana individu yang boleh membantu kamu untuk bercakap bagi pihak kamu. Oleh itu pada pandangan saya apa sekalipun yang lebih baik jika kamu boleh menguasai bahasa tempatan sekurang-kurangnya asas bahasa tersebut.” (Pelajar Antarabangsa 23)*

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Pelajar Antarabangsa 2 di bawah, baginya menguasai Bahasa ibunda negara tuan rumah adalah suatu perkara yang mudah buat dirinya disebabkan minat untuk mempelajarinya. Ini kerana beliau telah mengambil langkah awal dengan mempelajari bahasa tempatan dari hari pertama berada di Universiti. Melalui tindakan berani yang dilakukan telah memberikan keuntungan bagi dirinya dalam mendapatkan bantuan dan pertolongan dari rakan tempatan untuk mempelajari bahasa tempatan secara serius. Dalam konteks tersebut, kebijaksanaan Pelajar Antarabangsa 2 dalam mengutilasikan kemahiran berbahasa secara tidak langsung telah membangunkan tahap keyakinan diri tinggi dalam menyesuaikan diri dengan senario masyarakat tempatan dalam jangka masa lebih cepat (Li & Zizzi, 2018; Othman, 2019a).

*“Saya percaya akan kata-kata malu bertanya sesat jalan. Jika anda hanya diam takut untuk memulakan sesuatu perkara seperti bertanya hanya disebabkan anda tidak tahu bahasa tempatan ianya adalah salah. Mesti ada keberanian untuk memulakan. Sebab itu dari hari pertama saya tiba di Universiti ini saya telah mula mempraktikkan bahasa tempatan dengan menggunakan satu dua perkataan mudah yang saya hafal. Saya mendapat rakan sebilik yang baik yang mengajar saya bahasa Melayu dengan betul. Jangan takut jika anda gunakan perkataan salah, Masyarakat sekeliling banyak membantu, jika salah mereka betulkan. Harus sentiasa cuba untuk bercakap dengan rakan-rakan tempatan. Rakan-rakan saya di sini seronok setiap kali melihat saya cuba bercakap dalam bahasa mereka.” (Pelajar Antarabangsa 2)*

Pelajar Antarabangsa 15 juga menyatakan kepentingan mengenali rakan tempatan yang boleh memberi bantuan dari segi memberi tunjuk ajar mempelajari bahasa ibunda sewaktu di negara tuan rumah. Untuk menyesuaikan diri dengan tempat yang baru ianya memerlukan proses penyesuaian diri berfasa yang melibatkan dua pihak iaitu diri sendiri dan persekitaran sekeliling yang disokong oleh masyarakat setempat (Gresham, 2013; Abdul Latiff, Nur Zalila, Ali, Emma Mirza Wati & Hasrul, 2014). Dengan sokongan yang diperlihatkan oleh rakan tempatan dalam membantu pelajar antarabangsa menguasai bahasa ibunda maka adalah wajar mengatakan bahawa peranan pihak tersebut adalah signifikan dan dianggap medium bernilai kepada golongan tersebut (Sabariah & Siti Khadijah, 2017).

*“Pada pandangan saya adalah penting untuk kita mendapatkan seorang rakan baik yang mampu menjadi tempat rujukan untuk bertanya dan mempelajari sesuatu perkara yang kita sendiri tidak tahu seperti bahasa. Belajar dengan menggunakan buku atau internet sememangnya mengambil masa lama untuk difahami jika dibandingkan dengan belajar secara terus dengan seseorang. Bila belajar dengan*

*seseorang ianya menjadi mudah apa yang saya tidak faham akan ditunjukkan contoh yang paling mudah seperti perkara asas sewaktu hendak membeli barang dan sebagainya. Saya mudah faham dan senang untuk mengingatinya.” (Pelajar Antarabangsa 15)*

Selain daripada itu, terdapat juga sekumpulan pelajar antarabangsa yang telah membuat persediaan awal sebelum tiba di negara tuan rumah dengan mengambil kursus bahasa di negara asal sebagai langkah awal untuk memudahkan mereka beradaptasi dengan persekitaran budaya baru di negara tuan rumah. Pelajar Antarabangsa 6 berasal dari Korea manakala Pelajar Antarabangsa 17 berasal dari Jepun. Kedua-dua mereka telah melihat kepentingan untuk mempelajari sesuatu bahasa itu disebabkan wujud perbezaan budaya yang akan memberi kesukaran kepada diri mereka apabila tiba di Malaysia. Perkara tersebut sememangnya terbukti menerusi dapatan kajian dari Selmer dan Luring, (2015), menyatakan pelajar antarabangsa yang membuat persediaan awal mempelajari bahasa ibunda negara tuan rumah adalah untuk meningkatkan pemahaman mereka berhubung perbezaan latar belakang budaya dan adat resam masyarakat setempat agar memberi kefahaman kepada mereka apabila berada di dalam budaya tersebut. Perkara ini dapat dinyatakan dalam dialog di bawah:-

*“Keluarga saya merupakan keluarga guru di Korea. Ibu dan bapa saya adalah cikgu di sana. Mereka telah beberapa kali datang bercuti ke negara ini dan sedikit sebanyak mereka tahu akan keadaan budaya masyarakat di negara ini yang berbeza. Disebabkan itu sebelum saya tiba di sini, mereka telah menyuruh saya mengambil kursus bahasa Melayu untuk memberi pendedahan awal kepada saya supaya tidak berasa terkejut dengan kepelbagaian budaya dan cara hidup di Malaysia. Saya bersetuju bagi saya inilah masa yang paling baik untuk belajar bahasa Melayu dengan mudah dan cepat sebelum tiba di Malaysia.” (Pelajar Antarabangsa 6)*

*“Saya suka belajar tentang budaya sebabnya setiap budaya mempunyai perbezaan. Dan untuk mengenali secara dekat mengenai sesuatu budaya, kita perlu faham apa yang dipertuturkan. Cuba kamu bayangkan kamu sedang berada dalam sekumpulan masyarakat tetapi kamu langsung tidak memahami apa yang mereka cakapkan. Itu seumpama anda tidak berada di tempat yang betul pada masa yang betul. Sebab itu saya mengambil kelas Bahasa Melayu selama setahun. Saya terdorong untuk melakukannya kerana saya melihat pentingnya bahasa dalam membantu saya sewaktu saya di sana nanti. Lagipun saya mahu menikmati keseronokan sepanjang tinggal di sana. Dan keputusan yang saya buat itu tepat! Bahasa Malaysia itu sendiri boleh digunakan pakai di negara lain seperti Singapura, Indonesia dan Brunei. Tidak akan rugi jika saya mempelajari dan menguasainya.” (Pelajar Antarabangsa 17)*

Seterusnya dari maklum balas yang diberikan oleh Pelajar Antarabangsa 30 memperlihatkan pandangan tersendiri yang mana pada pendapatnya perlu ada keyakinan dalam diri jika mahu Berjaya dalam apa jua keadaan dan menganggap halangan bahasa adalah halangan paling terakhir yang patut difikirkan oleh individu. Perkara ini sememangnya mempunyai persamaan dengan Othman (2019a) yang menyatakan diantara sebab berlakunya kesukaran untuk berkomunikasi dalam menggunakan satu bahasa yang difahami adalah disebabkan kurang keyakinan diri dalam diri pelajar antarabangsa tersebut. Pemikiran yang sentiasa

positif terhadap apa jua halangan yang datang mampu meningkatkan nilai-nilai positif dalam diri individu yang dapat membantu meningkatkan lagi keyakinan diri mereka.

*“Jangan malu saya hanya boleh bercakap sedikit-sedikit sahaja bahasa Melayu tetapi saya faham apabila rakan-rakan saya bercakap. Cumanya Saya akan menghadapi masalah untuk memahami jika ada sesetengah orang bercakap bahasa Melayu tetapi ada dialek yang digunakan. Semua rakan-rakan rapat saya di sini faham dengan saya mereka menggunakan bahasa Melayu baku untuk berkomunikasi dengan saya. Kami di sini sentiasa terbuka, jadinya tidak ada masalah buat Saya. Saya tidak boleh mengharapkan semua orang mesti menggunakan bahasa baku dengan saya. Prinsip saya adalah selagi kita ada semangat mahu belajar, halangan bahasa adalah halangan paling terakhir yang patut difikirkan oleh orang asing seperti saya sentiasa positif. Yang penting saya boleh diterima untuk bergaul dalam kalangan rakan-rakan tempatan tanpa masalah.” (Pelajar Antarabangsa 30)*

Daripada tiga puluh pelajar antarabangsa yang ditemu bual, tidak dinafikan juga bahawa terdapat golongan pelajar antarabangsa yang tidak ingin mempelajari bahasa Melayu sedangkan secara mata kasar pastinya mereka mengalami kesukaran dalam berasimilasi dengan keadaan persekitaran di negara tuan rumah. Seperti Pelajar Antarabangsa 1, 16 dan 29, mereka mempunyai pilihan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ke-dua di Malaysia untuk berkomunikasi. Namun begitu terdapat limitasi yang nyata bahawa tidak semua masyarakat tempatan di Malaysia menguasai Bahasa Inggeris dengan baik dan ini sememangnya menjadi kekangan kepada pelajar antarabangsa tersebut untuk berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Berdasarkan temu bual yang dijalankan responden di bawah antara yang telah memberikan pandangan yang hampir serupa:

*“Pada saya, bahasa bukanlah satu isu besar. Terus terang boleh saya katakan tidak ada keperluan yang penting untuk saya mempelajari bahasa Melayu kerana sistem pendidikan negara ini menerapkan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa ke dua selepas bahasa kebangsaan mereka. Dan anda tahu bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa universal. Jadi jika kita semua boleh bercakap dalam bahasa Inggeris tiada masalah bagi kami pelajar antarabangsa untuk berkomunikasi dengan orang lain. Tetapi tidak dinafikan budaya yang ada di negara ini adalah asing bagi diri saya yang datang dari Bangladesh.” (Pelajar Antarabangsa 1)*

*“Salah ke saya jika tidak pandai bahasa Melayu. Apa yang saya lihat di sini pelajar tempatan yang berbangsa Melayu, tidak tahu juga berbahasa Cina sedangkan mereka lahir di negara ini. Saya melihat bahasa bukan penghalang untuk saya yang berasal dari Sri Lanka untuk berasa selesa di sini. Saya boleh berbahasa Inggeris. Untuk saya kemahiran berbahasa adalah pemudah cara bagi memudahkan kehidupan kita di sesuatu tempat. Walaupun saya menghadapi sedikit kesukaran untuk berkomunikasi dengan rakan yang terdiri dalam kalangan masyarakat tempatan saya masih bertahan.” (Pelajar Antarabangsa 16)*

*“Oh bahasa bukan masalah saya di sini. Semua orang lebih cenderung untuk bercakap dalam bahasa Inggeris. Sama seperti silibus kursus yang diwajibkan dalam bahasa Inggeris. Sistem universiti di sini lebih cenderung dalam bahasa Inggeris.*

*Buku teks dan rujukan hampir kesemuanya dalam bahasa Inggeris. Saya tahu ada di antara pelajar tempatan di sini lemah berbahasa Inggeris dan mereka menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi dengan kami. Jadi isu saya sebagai pelajar antarabangsa yang tidak dapat menguasai bahasa tempatan dengan baik bukanlah satu isu yang memberi tekanan dalam aktiviti seharian saya.” (Pelajar Antarabangsa 29)*

Ketiga-tiga responden di atas melihat situasi mereka pada waktu itu tidak memberi tekanan atau wujud keperluan mendesak untuk mereka mempelajari Bahasa Melayu dengan kadar segera kerana mereka masih boleh menjalani kehidupan harian dengan berkomunikasi menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa universal yang difahami oleh rakan-rakan di universiti. Walaupun mereka tidak mampu menguasai bahasa ibunda, mereka tidak mempunyai masalah untuk menyesuaikan diri dan beradaptasi dengan persekitaran di Malaysia. Dari kenyataan yang diberikan tersebut, tidak dinafikan perbezaan bahasa dan budaya yang ada di Malaysia telah memberi cabaran kepada golongan pelajar antarabangsa tersebut namun dengan pilihan menggunakan bahasa Inggeris telah mengeliminasi masalah kekangan komunikasi terhadap diri mereka sepanjang berada di negara ini. Dengan kemahiran dan penggunaan Bahasa Inggeris yang ada pada pelajar antarabangsa ianya memudahkan mereka untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan. Kemahiran menggunakan bahasa ibunda negara tuan rumah memerlukan masa yang panjang untuk dipelajari dan tidak semua orang mempunyai kemampuan untuk menguasai bahasa yang baru dengan mudah (Podymov, Sorokina, Litvinenko, Kurnyikina, Fabrikov, Maleko & Novitskaya, 2019).

### **Kesimpulan**

Perbincangan dalam kertas kerja ini menekankan kepentingan penguasaan bahasa negara tuan rumah di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Hasil penyelidikan secara keseluruhannya memperlihatkan majoriti pelajar antarabangsa yang terlibat dalam penyelidikan ini bersependapat bahawa dengan mempunyai kebolehan berkomunikasi menggunakan bahasa ibunda di negara tuan rumah ianya merupakan satu kemahiran yang dapat memudahkan proses beradaptasi dengan masyarakat di Malaysia. Namun terdapat juga pandangan daripada sekumpulan kecil pelajar antarabangsa yang merasakan tiada keperluan untuk mempelajari dan menguasai kemahiran berbahasa ibunda dalam menentukan kejayaan beradaptasi di negara tuan rumah disebabkan Bahasa Inggeris boleh digunakan sebagai medium interaksi kedua di Malaysia.

Dapatan kajian ini mampu menyumbangkan kepada literatur pengurusan pelajar antarabangsa dengan membincangkan bagaimana pelajar antarabangsa yang mempunyai kecenderungan dalam penguasaan dan kemahiran berbahasa pastinya dapat memberikan kelebihan kepada diri mereka sepanjang berada di negara tuan rumah. Tuntasnya, dapatan di atas menunjukkan bahawa para pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah mempunyai kesedaran terhadap kepentingan penguasaan dan pemahaman fungsi Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama dan bahasa perpaduan dalam masyarakat di negara ini. Dengan penguasaan bahasa ibunda negara tuan rumah juga berupaya meningkatkan tahap keyakinan diri pelajar antarabangsa untuk bergaul dengan kenalan baru yang terdiri daripada rakyat tempatan. Justeru itu penguasaan bahasa ibunda adalah dimensi penting terhadap kejayaan pelajar antarabangsa dalam penyesuaian dan beradaptasi dengan perbezaan budaya negara tuan rumah. Namun begitu tidaklah dinafikan bahawa dengan mempunyai kelebihan untuk

berkomunikasi berbahasa tempatan, ianya akan menjadikan proses asimilasi dalam persekitaran asing menjadi mudah dan proses silang budaya dapat dilakukan dalam tempoh masa yang singkat.

### Bibliografi

- Abdul Latiff Ahmad, Salma Ali, Ali Salman & Sabariah Mohamed Salleh. (2016). Adaptasi Antarabudaya Pelajar Nigeria di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 32(2): 105-120.
- Abdul Latiff Ahmad, Nur Zalila Md Zamri, Ali Salman, Emma Mirza Wati Mohamed & Hasrul Hashim. (2014). Isu-isu dan Masalah Adaptasi Antarabudaya dalam Kalangan Pelajar Malaysia di United Kingdom dan Australia. *Journal of Social Sciences and Humanities* 9(2): 162-171.
- Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam & Mashetoh Abd Mutalib. (2020). Amalan Kesantunan Berbahasa dalam Komunikasi Formal dan Tidak Formal dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Malaysian Journal of Communication*, 36(4): 410-427.
- Alim Alice. (2015). Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing: Kajian Kes Pelajar China di Universiti Malaysia Sabah in *ATIKAH: Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(2): 157-168.
- Aurel, I. C. (2013). Adaptation and Stress for The First Year University Students. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 78: 718-722.
- Awang Sariyan (2014). Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Antarabangsa dan Upaya Pengantarabangsaan. Dalam S. M. Nasir, S. S. Bakar, & Z. Osman, *Jaringan pengajian bahasa Melayu*, Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Bhatti, M.A., Battour, M.M., Ismail, A.R. & Sundram, V.P. (2014). Effects of Personality Traits (Big Five) On Expatriates Adjustment and Job Performance. *Equality, Diversity and Inclusion: An International Journal*, 33(1): 73-96.
- Counsell, D. (2011). Chinese Students Abroad: Why They Choose the UK and How They See Their Future. *China: An International Journal*, 9 (1): 48-71.
- Creswell, J. W. (2014). Research design: *Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage, Oaks.
- Eriksson, P & Kovalainen, A. (2016). *Qualitative Methods in Business Research*. 2nd ed. London, Thousand Oaks, New Delhi and Singapore: Sage.
- Falcone, S. (2017). International Students' Recruitment: Trends and challenges. *Journal of International Students*, 7 (2): 246-256.
- Forbes-Mewett, H., & Sawyer, A. M. (2019). International Students and Mental Health. *Journal of International Students*, 6(3): 661-677.
- Gresham, R. (2013). Interaction between International Students and Local Communities. *Journal of The Australia and New Zealand student services Association*, 21: 20-34.
- Judith Eder, Wayne W. Smith & Robert E.Pitts (2010). Exploring Factors Influencing Student Study Abroad Destination Choice. *Journal of Teaching in Travel and Tourism* 10(3):232-250.
- Krishna Bista. (2016). International Students' Social Network: Network Mapping to Friendship Formation and Student Engagement on Campus. *Journal of International Students*, 6 (1): 1-13.
- Lee, C. S. (2017). On the Cognitive Benefits of Cultural Experience: Exploring the Relationship Between Studying Abroad and Creative Thinking. *Applied Cognitive Psychology*, 26 (5): 768-778.

- Li, S., & Zizzi, S. (2018). A Case Study of International Students' Social Adjustment, Friendship Development, and Physical Activity. *Journal of International Students*, 8 (1): 389-408.
- Lin, Y.-C., Chen, A. S.-Y., & Song, Y.-C. (2012). Does Your Intelligence Help to Survive in A Foreign Jungle? The Effects of Cultural Intelligence on Cross-Cultural Adjustment. *International Journal of Intercultural Relations*, 36: 541-552.
- Mazlina Baharudin. (2014). "Pemerolehan dan Penguasaan Berbahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Asing di Universiti Sains Malaysia" dalam *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134: 270-275.
- MOHE. (2021). Laporan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Diakses pada 01 Julai 2021, dari <https://mohe.gov.my/en/corporate/divisions-and-units/bppd>.
- MOHE. (2021). Statistik Pendidikan Tinggi 2020: Kementerian Pengajian Tinggi. Diakses pada 02 Julai 2021, dari <https://www.mohe.gov.my/en/downloads/statistics/2020/493-statistik-pendidikan-tinggi-2020-04-bab-2-universiti-awam/file>.
- MOHE. (2007). Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020. Diakses pada 03 Julai 2021, dari <https://www.yumpu.com/id/document/read/8893327/kuat-turun-pelan-strategik-pengajian-tinggi-negara-kementerian->.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan pada teori dan metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Mohd Shah, M. K., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., & Raymond Majumah, A. S. A. (2021a). Maslahat Literasi Pendidikan Politik Simbiosis Golongan Belia Dalam Mendepani Perubahan Lanskap Kepimpinan Negara. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(38), 82 -104.
- Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Yusoff, M. S., Esa, M. S., Ationg, R., Ramlie, H., & Abdul Rahman, M. H. (2021b). Elemen Transformatif dan Akulturasi Diri dari Pengalaman Tahun Pertama Pengajian di Universiti Awam Malaysia Sebagai Wasilah Prestasi Pencapaian Akademik Pelajar Antarabangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 29-55.
- Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Lukin, S. A., & Abdul Hamid, J. (2021c). Visibiliti Integrasi Sistem Infrastruktur dan Kesalinghubungan Kebertanggungjawaban Universiti Dalam Konteks Menjana Kelestarian Persekitaran Pembelajaran Kondusif Kampus Bertaraf Antarabangsa. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 23-41.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Mohd Shah, M. K., Mokhtar, S., Abang Muis, A. M. R., Marinsah, S. A., & Marzuki, M. (2021d). Signifikasi Keunikan Diversiti Budaya Masyarakat Majmuk Disulami Keharmonian, Disantuni Perpaduan Sebagai Nilai Tambah Kepercayaan Keluarga dan Pemangkin Diaspora Pelajar Antarabangsa Melanjutkan Pengajian Ke Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 01-28.
- Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Hajimin, M. N. H. H., & Abang Muis, A. M. R. (2021e). Signifikasi Prinsip Hidup Merujuk Keterkaitan Agama, Budaya, Amalan Kepercayaan dan Wawasan Dunia Secara Keseluruhan (Worldview): Motif Ekspatriasi Ahli Akademik Islam dalam Membina Kerjaya di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 85-103.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Lokin, S. A., Ationg, R., Abang Muis, A. M. R. Mohd Shah, M. K. (2020a). Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar

- Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(21): 138-159.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Ationg, R., Esa, M. S., & Mohd Shah, M. K. (2020b). The influence of culture and family towards the decision to pursue study abroad: a case study of Malaysian public universities. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/ Egyptology*, 17(6):10688-10714.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Marinsah, S. A., Mokhtar, S., Ramlie, H. A., & Mohd Shah, M. K. (2020c). Strategi Akulturasi dan Hasil Pembudayaan Berbeza Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*. 5(21): 123-142.
- Othman, I. W. (2019a). Kemahiran Penggunaan Bahasa Sebagai Skil Universal dalam Improvansi Keyakinan dan Keterampilan Jati Diri Akademik Ekspatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(10): 91-106.
- Othman, I. W. (2019b). Signifikasi Struktur Sosial Keluarga dan Hubungan Persahabatan dalam Mempengaruhi Pengalaman Ekspatriasi Ahli Akademik Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Politics, Public Policy and Social Work*, 1(3): 14-31.
- Othman, I. W. Jupiter, H., & Mohd Suki, N. (2019). Factors Affecting the Tendency of International Students to Pursue Study in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 23(2):185-200.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Abdul Hamid, A. B., Awang, H., & Jupiter, H. (2018). Implikasi Ekspatriasi Pelajar Antarabangsa ke atas Peningkatan Aspek Kualiti Hidup di Negara Tuan Rumah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(7), 40-52.
- Pawar, S. K., Dasgupta, H. & Vispute, S. (2019). Analysis of Factors Influencing International Student Destination Choice: A Case of Indian HE. *Journal of Further and Higher Education*: 1-13.
- Peng, R.Z. & Wu, W.P. (2019). Measuring Communication Patterns and Intercultural Transformation of International Students in Cross-Cultural Adaptation. *International Journal of Intercultural Relations*, 70: 78-88.
- Philipp, P & Katrin, M. (2017). Host Country Language Skills and Expatriates' CrossCultural Adjustment in The Presence of Fear of terror. *Journal of Global Mobility*, 5(4): 418-442.
- Podymov, N. A., Sorokina, G. A., Litvinenko, N. A., Kurnykina, O. V., Fabrikov, M. S., Maleko, E. V., & Novitskaya, L. Y. (2019). Multifaceted Communication Competency Advancement in International Students: Fixed Nature of Cultural Model. *International Journal of Applied Exercise Physiology*, 8(2.1): 538-546.
- Punitha Muniandy, Abd. Jalil Osman., & Shahrir Jamaluddin. (2017). Kesan Kemahiran Bertutur Dalam Bahasa Malaysia Secara Kaedah Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Penutur Asing Dewasa: Satu Pandangan Pembelajaran Berterusan. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 5(4): 31-37.
- Sabariah Mohamed Salleh, & Siti Khadijah Hussin (2017). Tekanan Akulturasi Pelajar Malaysia Di Luar Negara. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1): 340-355.



- Selmer, J. & Luring, J. (2015). Host Country Language Ability and Expatriate Adjustment: The Moderating Effect of Language Difficulty. *The International Journal of Human Resource Management*, 26 (3): 401- 420.
- Silverman, D. (2013). *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*, 4th ed. SAGE Publications, London.
- Sinanan, J., & Gomes, C. (2020). 'Everybody Needs Friends': Emotions, Social Networks and Digital Media in The Friendships of International Students. *International Journal of Cultural Studies*, 23(5), 674-691.
- Siti Saniah Abu Bakar, (2013). *Kekangan Pelajar Asing Dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (1): 52-60.
- Trujillo, J. P. C., Mohammed, P. J., & Saleh, S. T. (2020). Students' Motivations to Study Abroad: The Case of International Students at the University of Debrecen. *Central European Journal of Educational Research*, 2(1), 76-81.
- Van Mol, C. (2019). Integrating International Students in Local (Student) Communities. A Theory-To-Practice Perspective. *Journal of Comparative and International Higher Education*, 11(Winter), 14-17.
- Yusoff, M. S., Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Esa, M. S., Abang Muis, A. M. R., Marinsah, S. A., & Ramlie, H. (2021a). Falsafah Pelan Strategik Universiti Awam Malaysia Melalui Pengalaman Ahli Akademik Ekspatriat dalam Mengorak Reputasi Universiti Sebagai Hab Kecemerlangan Akademik di Persada Antarabangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 56-73.
- Yusoff, M. S., Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Esa, M. S., Zulhazmi, N. A., Ibrahim, M. A., & Ationg, R. (2021b). Moratorium dan Pengurusan Kewangan Norma Baharu Dalam Menginspirasi dan Mendidik Kepimpinan Komuniti Pendidikan Tinggi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(38), 188-201.